

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF DAN
WANG SAKU ATLET UiTM KE TEMASYA
SUKAN SEA 2023, KEMBOJA**

**21 JULAI 2023 | JUMAAT | 11.00 PAGI
BILIK MESYUARAT SIDANG, ARAS 7
BANGUNAN CANSELERI
UiTM SHAH ALAM**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

(Salutasi-kemas kini berdasarkan kehadiran)

Yang Berbahagia

Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi MARA

Yang Berusaha Dr. Shahsuzan Zakaria

Pengarah Pembangunan Pelajar

Universiti Teknologi MARA

Yang Berusaha Encik Ahmad Tarmizy Mohammed

Pengarah Pusat Sukan

Universiti Teknologi MARA

- Ketua-Ketua Jabatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
- Pegawai-Pegawai Sukan,
- Wakil-Wakil Media,
- Atlet-Atlet Yang Diraikan dan Hadirin

Sekalian.

1. Saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya kita semua dapat berkumpul di majlis ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar atas menganjurkan **Majlis Penyampaian Insentif dan Wang Saku kepada atlet UiTM** yang mewakili negara ke **Temasya Sukan SEA 2023, Kemboja** pada hari ini.

Hadirin sekalian,

2. Nama Universiti Teknologi MARA sentiasa bersinonim dengan arena sukan negara. Atlet dan pasukan UiTM daripada pelbagai jenis sukan sering terpampang di media cetak dan elektronik melalui laporan kemenangan dan pencapaian melalui pertandingan yang telah disertai. Penyertaan atlet UiTM bukan sahaja pada peringkat kebangsaan bahkan turut menganggotai skuad negara di kejohanan antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan kejohanan-kejohanan

sukan peringkat antarabangsa yang berprestij.

3. Saya sentiasa mengikuti perkembangan dan ambil maklum di atas pencapaian terbaik oleh atlet UiTM yang mewakili negara di persada sukan antarabangsa. Penglibatan atlet UiTM yang mewakili pasukan atau kontinjen negara amatlah membanggakan kita semua. Ia pastinya memerlukan sokongan dan komitmen yang tinggi dari pelbagai pihak bagi memastikan atlet terutama dalam kalangan pelajar UiTM ini sentiasa berada di tahap yang baik.

4. Berdasarkan pencapaian serta statistik, telah ramai atlet negara ini lahir dari universiti–universiti awam. Dapat disimpulkan bahawa universiti bukanlah kubur kepada atlet tetapi tempat untuk menimba ilmu akademik dan ilmu dalam bidang sukan agar dapat melahirkan *Thinking Athlete* yang bijak mengurus diri secara profesional sebelum, semasa dan juga selepas pertandingan.

5. Atlet yang bijak biasanya lebih tenang mengawal

emosi dan juga cekap merancang strategi ketika menghadapi lawan di dalam pertandingan. Selain itu atlet yang bijak juga tahu merancang gaya hidup yang bersesuaian dengan peranan sebagai pelajar dan juga sebagai atlet terutama apabila perlu menghadiri kelas, latihan sukan dan juga pertandingan. Pembahagian masa perlu dibuat dengan penuh berdisiplin supaya anda boleh berjaya dalam kedua-dua lapangan.

Hadirin sekalian,

6. Saya juga percaya, pensyarah–pensyarah di UiTM begitu fleksibel dalam menangani situasi pelajar ini kerana mereka merupakan individu istimewa yang telah mengorbankan masa dan jiwa mereka untuk sukan yang diceburi. Dengan jadual latihan dan pertandingan yang ketat, tidak mustahil atlet pelajar ini dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam akademik. Tanpa sokongan UiTM pastinya atlet pelajar ini akan menghadapi kesukaran di dalam membahagikan masa kuliah dan komitmen sukan sama ada latihan mahupun pertandingan.

7. Pihak UiTM sentiasa menjaga kebajikan atlet pelajar yang mewakili negara ke kejohanan antarabangsa dengan memberikan wang saku kepada atlet pelajar UiTM. Kepada atlet pelajar yang memenangi kejayaan di kejohanan peringkat antarabangsa pihak UiTM akan memberikan insentif di bawah Skim Hadiah Kecemerlangan Sukan iaitu pengecualian yuran pengajian sehingga tamat belajar, kemudahan kolej kediaman secara percuma dan hadiah wang tunai mengikut pingat yang dimenangi. Ini menunjukkan bahawa pihak UiTM begitu menghargai penat lelah atlet pelajar yang mengharumkan nama UiTM dan negara.

Hadirin sekalian,

8. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM kerana sentiasa menjaga kebajikan atlet pelajar dari pelbagai aspek. Ini sedikit sebanyak membantu atlet pelajar ini berjaya dalam bidang akademik dan bidang sukan. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan atlet pelajar ini agar sentiasa mengikut **resmi padi, semakin berisi semakin menunduk**. Kejayaan anda menjadi

kebanggaan UiTM dan negara.

9. Akhir sekali, terima kasih kepada pihak jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis pada kali ini dan kepada penerima insentif saya ucapkan tahniah di atas kejayaan anda.

10. Dengan lafaz *Bismillah*hirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan **MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF DAN WANG SAKU ATLET UiTM KE TEMASYA SUKAN SEA 2023, KEMBOJA.**

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam Mualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.